

5



Berangkat Menunaikan Sembahyang Sunat Aidilfitri

6



Penyerahan Wang Zakat Daripada Tiga Syarikat



BERITA UTAMA

BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS SAMBUTAN NUZUL AL-QUR'AN

>> 3

مسلمین

MUSLIMIN

Surat Berita Hal Ehwal Ugama



Keluaran: Kementerian Hal Ehwal Ugama
Terbitan: Pusat Da'wah Islamiah

APRIL
2023M
Ramadhan - Syawal 1444H
Tahun 35 • Bil 4

16

INFO PENGISLAMAMAN

Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam di Seluruh Negara Tahun 2023

Bagi Bulan
APRIL
14
Orang

- | | | | |
|----|--|----|---|
| 7 | Giatkan Kerja Amal, Bantu Ringankan Beban Anak Yatim | 12 | Majlis Iftar Mahabbah Perkukuh Hubungan Perpaduan |
| 8 | 125 Anak Yatim Diraikan Pada Majlis Iftar Ramadhan | 13 | Tingkatkan Amalan, Aktiviti Bacaan Al-Qur'an Melalui Rancangan Tv |
| 9 | Enam Peserta Musabaqah MABIMS Memperdengarkan Bacaan | 14 | Forum Khas Ramadhan 1444H/2023M Anjuran PDI |
| 10 | Suntik Semangat Belia, Beliawanis Cintakan Al-Qur'an | 15 | Bertadarus Bersama Muallaf Semarakkan Bulan Ramadhan |
| 11 | Gerhana Bukti Kebesaran Dan Kekuasaan Allah | 20 | Majlis Khatam Al-Qur'an KHEU |

رَبَّنَا Ya Tuhan Kami

Doa Rabbana Dalam Al-Qur'an

DOA AGAR MENJADI HAMBA YANG TAAT

...رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا إِنَّكَ أَنْتَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

MAFHUMNYA:

...Ya Tuhan kami! Terimalah daripada kami (amal kami membina Kaabah ini). Sesungguhnya Engkau yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.

Surah al-Baqarah, ayat 127

Anggota Redaksi



PENASIHAT: Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh, *Pengarah Pusat Da'wah Islamiah* • **PENOLONG PENASIHAT:** Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman, *Pemangku Penolong Pengarah Pusat Da'wah Islamiah* • **KETUA PENERBIT:** Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim, *Pemangku Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan* • **PENOLONG KETUA PENERBIT:** Hajah Suriyati binti Haji Ahmed, *Penolong Ketua Bahagian Kajian dan Penerbitan [Pemasaran]* • **PENYELARAS:** Rokiah binti Haji Mohamad Serudin • **KUMPULAN TENAGA KERJA:** Qairunnisa binti Haji Jalil • Hajah Ratna Wati binti Haji Abdul Karim • Mohamad Zeliha bin Ahad • Dahlan bin Chuchu • Azizah binti Hidup • Suriati binti Haji Ali Hussin • Dayang Hayatun Syakirah binti Haji Awang Abdul Ghani • Hazey Suzainah Shaya • **PEREKA BENTUK KONSEP & SUSUN ATUR LETAK:** Mohamad Zeliha bin Ahad • **PEMBAHAGI MAJALAH:** Pg. Md Rafiuddin bin Pg. Hj Badaruddin • Nurul Nabilah binti Masri • **GAMBAR:** Kementerian Hal Ehwal Ugama • Pusat Da'wah Islamiah • Jabatan Penerangan •

Lidah
Pengarang

MEREBUT PELUANG BERAMAL DI BULAN MULIA

Dalam menjalani ibadah puasa di bulan Ramadhan yang penuh keberkatan ini, marilah kita sama-sama menanam azam dengan penuh iltizam untuk memperbanyakkan sembahyang sunat, mengkhataamkan al-Qur'an, bersedekah pada setiap hari sepanjang Ramadhan, memperbanyakkan zikir serta selawat, membuang segala sifat mazmumah yang mengotori jiwa dan sebagainya di samping mengharap pengampunan daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* atas segala dosa-dosa kita yang lalu.

Rebutlah peluang dan kesempatan yang ada untuk terus melaksanakan amalan salih dan membulatkan tekad dan azam untuk memanfaatkan masa yang ada sebaik mungkin dengan melaksanakan Sembahyang Sunat Tarawih dan qiamullail terutamanya pada hari-hari terakhir Ramadhan. Usah dicemari keberkatan Ramadhan dengan perkara maksiat yang boleh mengundang kemurkaan Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Lakukanlah amal yang terbaik dalam bulan Ramadhan ini dengan mencontohi Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* yang semakin tekun beribadah pada 10 akhir Ramadhan.

Imam Muslim dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada 'Aisyah *Radhiallahu 'anha* berkata:

Nabi Shallallahu 'alaihi wa sallam, apabila masuknya hari 10 terakhir Ramadhan, baginda akan mengetatkan kain, menghidupkan malam tersebut dan mengejutkan ahli keluarganya (untuk turut menghidupkan malam).

Perbanyakkan berdoa agar kita dipanjangkan usia dapat bertemu lagi dengan Ramadhan akan datang dan mohonlah keampunan daripada-Nya serta bertaubat atas segala dosa yang pernah kita lakukan. Firman-Nya dalam surah al-Hasyr ayat 18, mafhumnya:

Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah dan hendaklah setiap orang memperhatikan apa yang telah disediakan-Nya untuk hari esok (hari Akhirat), dan bertaqwalah kepada Allah. Sesungguhnya, Allah Maha Teliti terhadap apa yang kamu kerjakan.

BERKENAN BERANGKAT KE MAJLIS SAMBUTAN NUZUL AL-QUR'AN

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menyempurnakan pengurniaan hadiah dan cenderamata kepada Awang Abdul Aziz bin Noor Nasran, Johan Kategori 'E'.

BERAKAS, Jumaat, 17 Ramadhan bersamaan 7 April - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara Tahun 1444 Hijrah yang berlangsung di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke majlis tersebut dijunjung oleh Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar, Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan

Hari-Hari Kebesaran Islam Peringkat Negara Tahun 1444 Hijrah serta Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi yang lain. Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda

'Abdul Mateen; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.


Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1444 Hijrah dimulakan dengan bacaan surah al-Fatihah oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri ms. 4



PERSEMBAHAN dari johan Musabaqah Menghafaz Al-Qur'an berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1444H/2023M bagi setiap kategori.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan hadiah dan cenderamata kepada Awang Ahmad Muhammad @Munir bin Haji Ibrahim, johan bagi Kategori 'C'.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan hadiah dan cenderamata kepada johan bagi Kategori 'B' Dayang Alya Fathiyyah binti Haji Abdul Rajid.

» 5 ms. Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar, Ketua Hakim Syarie.

Diikuti dengan sembah alu-aluan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama.

Majlis diteruskan dengan pengurniaan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Pemakluman keputusan Musabaqah Menghafaz Al-Qur'an Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 1444 Hijrah dan Musabaqah Menghafaz Al-Qur'an Berserta Pemahamannya Peringkat Negara Anggota MABIMS Tahun 1444 Hijrah disampaikan oleh Awang Mohammad Hashim bin Haji Abdullah selaku Timbalan Pengerusi Jemaah Hakim.

Sebanyak lima kategori dipertandingkan dalam musabaqah tersebut dengan menerima hadiah iringan, sijil penyertaan dan wang tunai bagi setiap pemenang.

Turut dipertandingkan ialah Musabaqah Menghafaz Al-Qur'an Berserta Pemahamannya bagi

Negara-negara Anggota MABIMS Tahun 1444H iaitu bagi kategori Menghafaz 10 Juz Al-Qur'an berserta pemahaman Juz 10 dan kategori Menghafaz 30 Juz Al-Qur'an berserta pemahaman Juz 24.

Majlis diserikan dengan Persembahan Peserta Terbaik dari setiap kategori Musabaqah Menghafaz Al-Qur'an Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan dan Peringkat Negara Anggota MABIMS Tahun 1444 Hijrah.

Sejurus itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan menyempurnakan pengurniaan hadiah dan cenderamata kepada para peserta.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan beramah mesra bersama peserta musabaqah dan orang ramai.

Bagi memohon berkat dan syafaat di majlis yang berkebajikan itu Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie.

Sebelum berangkat balik, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berserta paduka-paduka anakanda dan adinda baginda berkenan beramah mesra bersama para pemenang Musabaqah Menghafaz Al-Qur'an Berserta Pemahamannya Peringkat Akhir Kebangsaan dan Peringkat Negara Anggota MABIMS Tahun 1444 Hijrah serta ahli-ahli keluarga mereka.

Tema bagi Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara Tahun 1444 Hijrah ialah 'Bersabar, Berikhtiar, Bertawakkal dan Berdoa Menghadapi Ujian Dengan Petunjuk Al-Qur'an' ■

BERANGKAT MENUNAikan SEMBAHYANG SUNAT AIDILFITRI

Oleh : Mohamad Zelihaan Ahad



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia bersama paduka-paduka anakanda baginda semasa menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya 'Aidilfitri'.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 1 Syawal bersamaan 22 April - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama umat Islam dan rakyat di negara ini bagi menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung oleh Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Pengerusi

Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-hari Kebesaran Islam Tahun 1444H dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi yang lain.

Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Manakala, Khutbah Hari Raya Aidilfitri disampaikan oleh Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama dalam khutbahnya menjelaskan Aidilfitri adalah sangat wajar disambut selayaknya dengan penuh kegembiraan dalam suasana keimanan yang kukuh. Ziarah menziarahi pada sepanjang bulan Syawal merupakan kebiasaan dan ia diharuskan kerana menziarahi dan memuliakan tetamu adalah suatu yang dianjurkan dalam Islam.

"Dalam kita ziarah menziarahi di Aidilfitri ini, perkara utama yang kita lakukan adalah bermaaf-maafan. Mohon maaf zahir dan batin. Itulah

perkataan yang sering kita ucapkan dan dengar apabila berkunjung ke rumah saudara-mara, jiran dan sahabat handai.

"Sesungguhnya dosa setiap manusia tidak akan diampunkan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala kecuali setelah kita memohon kemaafan dari orang yang pernah kita sakiti ataupun zalimi," tegasnya lagi.

Manakala, pada khutbah keduanya pula, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama seterusnya menjelaskan dalam keseronokan kita berhari raya, satu aspek yang tidak kurang pentingnya untuk dihayati adalah menyambutnya dengan sederhana dan berpada-pada. Seterusnya, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama menjelaskan walaupun kita disunatkan untuk berhias dan bergembira pada hari raya, akan tetapi ini bukanlah bermakna kita berbelanja berlebihan dan melampaui batas sehingga membebaskan diri sendiri.

Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri diadakan di masjid-masjid utama, surau-sarau dan balai-balai ibadat di seluruh negara bermula jam 7.30 pagi. ■

PENYERAHAN WANG ZAKAT DARIPADA TIGA SYARIKAT

Oleh : Dahlan Chuchu



PENYERAHAN kutipan zakat simpanan pelanggan di Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) kepada Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 21 Ramadhan bersamaan 12 April - Lebih BND4 juta diterima hasil daripada penyerahan Wang Zakat Perniagaan dan Zakat Wang Simpanan daripada tiga buah syarikat yang diadakan di Bilik Dhiyafah, Tingkat 5, Bangunan Tambahan Baharu, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei telah menyerahkan wang zakat Simpanan Pelanggan berjumlah BND4,177,333.34 yang diserahkan oleh Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan TAIB. Manakala Koperasi Persatuan Tiba menyerahkan Zakat Perniagaan berjumlah BND62,550.90 oleh Dayang Hajah Normah binti Haji Ibrahim, Timbalan Pengerusi Koperasi Persatuan TIBA.

Sementara Syarikat Muraqabah Hartanah Haji Ahmad bin Haji Bakar menyerahkan Zakat Perniagaan berjumlah BND40,362.00 dan diserahkan oleh Awang Haji Roslan bin Dato Paduka Haji Yaakub, Timbalan Pengerusi MURQAQABAH.

Penyerahan wang zakat berkenaan seterusnya diserahkan kepada Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama selaku Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB).

Majlis Ugama Islam Brunei telah berhasil mengutip sejumlah BND21,910,607.48 pada tahun lalu berbanding BND18,894,594.76 pada tahun sebelumnya.

Pada setiap tahun MUIB mengagihkan kutipan zakat melalui skim-skim agihan seperti agihan wang tunai bulan, agihan keperluan asasi,

persekolahan, elaun bulanan untuk pelajar Institut Pengajian Tinggi, sewa rumah, penanggung hutang (Al-Gharimin), rawatan perubatan, modal berusaha, Skim PROPAZ-PPB dan PROPAZ-Perantis.


Bagi tahun ini, wang zakat yang diperuntukkan untuk diagihkan kepada para penerima adalah dianggarkan berjumlah BND32,272,800.00.

Sehubungan itu, umat Islam di negara ini adalah diseru untuk menunaikan kewajipan untuk menunaikan zakat harta masing-masing apabila telah sampai nisab dan haulnya.

Selain sebagai memenuhi tanggungjawab menyelesaikan kewajipan, ia juga sebagai suatu tanggungjawab sosial dalam sama-sama membantu golongan yang memerlukan khususnya asnaf zakat fakir dan miskin. ■

GIATKAN KERJA AMAL, BANTU RINGKANKAN BEBAN ANAK YATIM

Oleh : Qairunnisa Haji Jalil



MENTERI Hal Ehwal Ugama bersama tetamu khas pada Majlis Penyampaian Sumbangan Derma kepada anak-anak yatim warga Kementerian Hal Ehwal Ugama.

BERAKAS, Selasa, 27 Ramadhan bersamaan 18 April – Seramai 44 anak yatim warga Kementerian Hal Ehwal Ugama menerima sumbangan derma yang berlangsung di Dewan Multaqa, Bangunan Tambahan Kementerian Hal Ehwal Ugama.


Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan sumbangan derma tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji

Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Tahlil dan Doa Arwah, yang masing-masing diketuai oleh Awang Haji Abdullah bin Haji Sahat dan Awang Haji Muhammad Izzuddin bin Haji Abd. Rani.

Tujuan majlis diadakan adalah untuk memberikan sumbangan dan bantuan

bagi meringankan beban mereka yang memerlukan; menanamkan nilai-nilai murni dalam kalangan Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui kerja-kerja amal dan amalan bersedekah; serta melahirkan warga kementerian yang sentiasa prihatin dan bertanggungjawab terhadap masyarakat. ■



MENTERI Hal Ehwal Ugama semasa menyampaikan sumbangan derma kepada sebahagian daripada anak-anak yatim berkenan.

125 ANAK YATIM DIRAIKAN PADA MAJLIS IFTAR RAMADHAN

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



MENTERI Hal Ehwal Ugama bersama datin menyerahkan sumbangan derma kepada anak-anak yatim Darjah Pra dan Darjah 1 Sekolah-sekolah Ugama.

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu 10 Ramadhan bersamaan 1 April – Dalam mengambil berat tentang kebajikan serta keprihatinan terhadap golongan anak-anak yatim, Hotel Antarabangsa Rizqun dengan kerjasama Jabatan Pengajian Islam, telah mengadakan Majlis Iftar Ramadhan Bersama Anak-anak Yatim Darjah Pra dan Darjah I Sekolah-sekolah Ugama.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Songket Ballroom hotel berkenaan ialah Yang

Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama dan Datin.

Majlis bermula dengan bacaan tahlil dan doa yang dipimpin oleh Awang Md. Ahsanul Azmi bin Haji Sarbini, Ketua Bahagian Sekolah Ugama, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Penyerahan sumbangan derma kepada 125 orang anak yatim

disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Datin.

Adapun tujuan majlis berkenaan diadakan adalah bagi membantu meringankan perbelanjaan ketika menyambut Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini di samping untuk sama-sama mendoakan kepada mereka yang telah kembali ke rahmatullah khususnya ibu bapa dan penjaga-penjaga anak-anak yatim serta umat Islam amnya. ■



MENTERI Hal Ehwal Ugama bersama datin dan jemputan khas yang hadir di majlis berkenaan.

ENAM PESERTA MUSABAQAH MABIMS MEMPERDENGARKAN BACAAN

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



MENTERI Hal Ehwal Ugama selaku tetamu kehormat majlis dan jemputan khas yang menghadiri majlis berkenaan.

BERAKAS, Rabu, 14 Ramadhan bersamaan 5 April - Seramai enam peserta iaitu dari Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia dan Malaysia memperdengarkan hafazan masing-masing pada Musabaqah Menghafaz Al-Qur'an Berserta Pemahamannya Peringkat Negara Anggota MABIMS Tahun 1444 Hijrah berlangsung selama dua hari bertempat di Dewan Muzakarah, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Seramai tiga peserta mewakili Negara Brunei Darussalam, Republik Indonesia dan Malaysia memperdengarkan hafazan masing-masing bagi Kategori Menghafaz 10 Juz Al-Qur'an Berserta Pemahaman Juz 10.

Tetamu kehormat majlis ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Hadir sama pada majlis berkenaan ialah Kuasa Usaha Sementara Republik Indonesia; Timbalan Pesuruhjaya Republik Singapura; Menteri (Penerangan) Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Negara Brunei Darussalam, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama serta para pegawai kanan Kementerian Hal

Ehwal Ugama dan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Musabaqah pada tahun ini merupakan musabaqah ke-7. Musabaqah ini juga merupakan komitmen dan kerjasama erat di antara Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Qur'an MABIMS, Bahagian Kemajuan Syi'ar Islam dan Bahagian Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS selaku Sekretariat MABIMS Brunei.

Sebanyak dua kategori akan dipertandingkan iaitu kategori pertama, Menghafaz 30 Juz Al-Qur'an bermula dari Juz 1 hingga Juz 30 Berserta Pemahaman Juz 24 bagi yang berumur 40 tahun ke bawah dan kategori kedua, Menghafaz 10 Juz Al-Qur'an bermula Juz 1 hingga Juz 10 Berserta Pemahaman Juz 10 bagi yang berumur 20 tahun ke bawah.

Musabaqah hari kedua berlangsung Khamis, 15 Ramadhan bersamaan 6 April yang akan memperdengarkan tiga lagi peserta iaitu bagi Musabaqah Kategori Menghafaz 30 Juz Al-Qur'an Berserta Pemahaman Juz 24.

Pengumuman keputusan dan penyampaian hadiah-hadiah Musabaqah Menghafaz Al-Qur'an Berserta Pemahamannya bagi Negara-negara Anggota MABIMS diadakan pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Qur'an Peringkat Negara pada 17 Ramadhan bersamaan 8 April. ■



SALAH seorang peserta musabaqah memperdengarkan bacaan al-Qur'an.



DI ANTARA tetamu yang hadir pada majlis berkenaan.

SUNTIK SEMANGAT BELIA, BELIAWANIS CINTAKAN AL-QUR'AN

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



MENTERI Hal Ehwal Ugama dan tetamu khas hadir pada majlis tersebut.

JERUDONG, Selasa, 20 Ramadhan bersamaan 11 April

Bersempena dengan kedatangan bulan Ramadhan yang penuh keberkatan ini, majlis bertadarus di masjid-masjid seluruh negara giat diadakan bagi memeriahkan lagi suasana di bulan Ramadhan yang mubarak.

Dalam hubungan ini, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam mengendalikan Majlis Khatam Al-Qur'an Kumpulan Belia dan Beliawanis Masjid Seluruh Negara bersempena Tadarus Al-Qur'an di bulan Ramadhan bagi tahun 1444H/2023M dan Tahlil bagi Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah yang berlangsung di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.

Hadir pada majlis tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Hadir sama ialah Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama; Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama; Dr. Haji Adanan bin Haji Basar, Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan; Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama; dan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jaafar bin Haji Abdul Aziz selaku Penasihat AJKT Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam Kampong Jerudong.

Turut hadir, pengarah-pengarah, para pegawai kanan dan kakitangan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama, kumpulan-kumpulan belia dan

beliawanis masjid seluruh negara serta para penduduk kampung yang tinggal di sekitarnya.

Selain membiasakan para belia dan beliawanis agar membaca al-Qur'an setiap masa lebih-lebih lagi di bulan Ramadhan, majlis juga bertujuan antara lain untuk menyuntik semangat cinta kepada kitab suci al-Qur'an dan beramal dengannya.

Di samping untuk meningkatkan lagi amalan di bulan Ramadhan yang mubarak ini, acara berkenaan juga diharapkan dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahmi dalam kalangan ahli kumpulan belia masjid seluruh negara sekali gus menyemarakkan lagi masjid dengan pelbagai aktiviti keagamaan demi mengarah ke sebuah Negara Zikir. ■



SEBAHAGIAN daripada belia-belia yang hadir bagi memeriahkan majlis berkenaan.

GERHANA BUKTI KEBESARAN DAN KEKUASAAN ALLAH

Oleh : Hazey Suzainah Shaya



DI ANTARA jemaah yang hadir menunaikan Sembahyang Sunat Gerhana Matahari bagi sama-sama memohon keampunan kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 29 Ramadhan bersamaan 20 April

Gerhana merupakan suatu kejadian memperlihatkan keagungan dan kebesaran Allah Subhanahu wa Ta'ala yang berlaku pada matahari dan bulan sebagai tanda atau bukti kekuasaan-Nya sepertimana terjadinya siang dan malam.

Apabila berlakunya gerhana, Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam menganjurkan umat Islam untuk melakukan pelbagai perkara yang berkebajikan seperti berdoa, berzikir, bersembahyang, bersedekah dan beristighfar.

Perkara berkenaan antara inti pati kandungan khutbah khas gerhana matahari separa yang disampaikan oleh Awang Zulkifli bin Haji Murat, Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddin.

Umat Islam seharusnya menjadikannya satu iktibar dan pengajaran untuk meningkatkan kesedaran diri supaya selalu ingat akan kebesaran dan

kekuasaan Allah Subhanahu wa Ta'ala serta memohon ampun kepada-Nya dan bertaubat atas segala dosa yang dilakukan.

Berikutan fenomena berkenaan, seluruh masjid, surau dan balai ibadat di Negara Brunei Darussalam mengadakan Sembahyang Sunat Gerhana Matahari.

Di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, Sembahyang Sunat Gerhana Matahari berjemaah diimamkan oleh Awang Mohamad Hasnal bin Haji Mohamad, Pegawai Masjid, Masjid Omar 'Ali Saifuddin.

Hadir sama bagi menunaikan Sembahyang Sunat Gerhana berkenaan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar dan Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Juga hadir ialah Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Pengiran Anak Dr. Haji Amiruddin Alam Shah bin Pengiran Anak Haji Ismail, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama. ■



MAJLIS IFTAR MAHABBAH PERKUKUH HUBUNGAN PERPADUAN

Oleh : Hajah Ratna Wati Haji Abdul Karim



TETAMU kehormat bergambar ramai bersama Urus Setia Program Keugamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah dan Belia Muallaf Asy-Syahadah serta Persatuan Persahabatan Brunei-China.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 15 Ramadhan bersamaan 6 April - Urus Setia Program Keugamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah dan Belia Muallaf Asy-Syahadah dengan Kerjasama Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah dan Persatuan Persahabatan Brunei-China mengadakan Majlis Ifthar Mahabbah bagi Tahun 1444H bertempat di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampong Kiulap.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama dan Datin.

Hadir sama ialah Rektor dari Universiti Sultan Sharif Ali, kedutaan-kedutaan yang dijemput, Persatuan-persatuan Tiong Hua, Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Hal Ehwal Ugama, para pegawai dan kakitangan Pusat Da'wah Islamiah, para penuntut dari Sekolah Chung Hwa dan keluarga para muallaf yang non-Muslim dari kalangan Belia Muallaf Asy-Syahadah.

Majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Dayang Nurul Nadzirah binti Haji Simpon, Pengerusi Belia Muallaf Asy-Syahadah, diikuti dengan tayangan video dan taklimat ringkas mengenai Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah

serta sesi lawatan sekitar masjid mengikut kumpulan masing-masing.

Majlis diteruskan dengan bacaan Saiyidul Istighfar, surah al-Fatihah dan Doa Selamat dipimpin oleh Pengiran Haji Jufri bin Pengiran Haji Hidop, Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah.

Seterusnya, ucapan alu-aluan daripada Dr. Muhammad Firdaus bin Abdul Rahman, Presiden Persatuan Persahabatan Brunei-China.

Majlis disemarakkan lagi dengan persembahan bacaan al-Qur'an dari Awang Muhammad Saiful Dafi bin Muhammad Suhaimi @ Suanddy bin Muhammad Suhaimi, pemenang Qari Musabaqah Murattal Al-Qur'an bagi Muallaf

Senegara 1444H / 2022M, manakala tafsirannya dibacakan oleh Dayang Aisyah Afnan Lim Yen Shan (dalam bahasa Cina).

Kemudian diikuti dengan penerangan ringkas mengenai 'Kefahaman Tentang Puasa' disampaikan oleh Dayang Siti Nur Jasmin Kim, Pekerja Tingkat Khas, Pusat Da'wah Islamiah.

Antara tujuan program diadakan adalah untuk memperlihatkan Islam adalah agama yang mementingkan hubungan silaturrahim dan membuat kebaikan walaupun berlainan agama dan bangsa, di samping memberi peluang kepada non-Muslim menyaksikan lebih dekat mengenai ibadah yang dilakukan oleh orang Islam serta merasakan sendiri bersungai bersama di bulan Ramadhan ■



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal selaku tetamu kehormat hadir pada majlis tersebut.

TINGKATKAN AMALAN, AKTIVITI BACAAN AL-QUR'AN MELALUI RANCANGAN TV

Oleh : Azizah Hidup



MENTERI Hal Ehwal Ugama bersama tetamu khas semasa menghadiri majlis berkenaan.



MENTERI Hal Ehwal Ugama semasa melancarkan Majlis Pelancaran Rancangan TV, 'Bacaan Hafazan 30 Juzu' Al-Qur'an.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 12 Ramadhan bersamaan 3 April - Bagi menyemarakkan lagi Sambutan Nuzul Al-Qur'an, Institut Tahfiz Al-Qur'an Sultan Haji Hassanil Bolkiah (ITQSHHB) dengan kerjasama Pusat Da'wah Islamiah dan Radio Televisyen Brunei mengadakan Majlis Pelancaran Rancangan TV, 'Bacaan Hafazan 30 Juzu' Al-Qur'an' oleh Al-Hafiz Pelajar ITQSHHB.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan majlis pelancaran berkenaan ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Majlis yang berlangsung di Dewan Persidangan, Pusat Da'wah Islamiah itu turut dihadiri oleh Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama.

Majlis dimulakan dengan bacaan Saiyidul Istighfar dan surah al-Fatihah yang diketuai oleh Mohamad Hashim bin Haji Abdullah, Pegawai Pelajaran (Al-Qur'an dan Al-Qira'at), Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Qur'an MABIMS, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Objektif rancangan TV bertujuan bagi memberigakan rancangan TV baharu terbitan bersama dengan kerjasama Radio Televisyen Brunei, Jabatan

Perdana Menteri, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan ITQSHHB dan supaya penonton dapat mengikut bacaan al-Qur'an dengan kaedah bacaan yang betul dan sempurna serta menghayati terjemahannya.

Selain itu, ia juga bagi menyerlahkan peranan ITQSHHB sebagai sebuah pengajian unggul dalam bidang pembelajaran dan hafazan al-Qur'an serta bakat dan kapasiti pelajar-pelajar institut melalui bacaan dan hafazan mereka.

Majlis turut diserikan lagi dengan persembahan bacaan al-Qur'an secara hafazan daripada pelajar-pelajar ITQSHHB dan diakhiri dengan Doa Selamat.

Rancangan TV 'Bacaan Hafazan 30 Juzu' Al-Qur'an' akan disiarkan di RTB Perdana pada jam 6.00 pagi dan sebelum Azan Asar. Manakala di RTB Aneka pada jam 10.00 pagi dan 5.45 petang, dan di RTB Sukmaindera sebelum Azan Zuhur dan jam 6.00 petang, setiap hari bermula Sabtu, 17 Ramadhan 1444 bersamaan 8 April 2023. ■



PERSEMBAHAN bacaan al-Qur'an secara hafazan daripada pelajar-pelajar ITQSHHB.

FORUM KHAS RAMADHAN 1444H/2023M ANJURAN PDI

Oleh : Hazey Suzainah Shaya



AWANG Haji Abd. Rajid bersama pegawai-pegawai kanan Pusat Da'wah Islamiah yang hadir pada majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 14 Ramadhan bersamaan

5 April – Dalam mensyukuri kehadiran serta memupuk perasaan cinta terhadap bulan Ramadhan yang penuh keberkatan, Forum Khas Bulan Ramadhan 1444H/2023M dihasrat dapat melahirkan warga Perkhidmatan Awam yang berpengetahuan dan bertanggungjawab terhadap bulan-bulan kebesaran Islam.

Seramai 280 orang terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan termasuk para pegawai dan kakitangan Pusat Da'wah Islamiah menghadiri forum berkenaan yang mengambil tempat di Dewan

Persidangan, Pusat Da'wah Islamiah.


Hadir selaku tetamu kehormat ialah Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh, Pengarah Pusat Da'wah Islamiah.

Forum anjuran Pusat Da'wah Islamiah melalui Bahagian Penyebaran Da'wah (Ceramah), bertajuk 'Ramadhan Karim: Pengukuhan Rumahtangga Meraih Keluarga Sakinah, Mawaddah Wa Rahmah' membincangkan tentang tanggungjawab dalam pengukuhan rumah tangga.

Forum menampilkan dua panel iaitu Awang Haji Abdullah Amer bin Haji Abdul Hamid, Pegawai Kanan Khidmat

Nasihat Rumahtangga, Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, Jabatan Hal Ehwal Syariah dan Dayang Zati Hanani binti Dato Seri Setia Haji Rajid, Da'ie Bertauliah Majlis Ugama Islam Brunei, dan dipengerusikan oleh Dayang Zannatul Mardiah binti Awang Sulaiman, Pegawai Tabligh, Pusat Da'wah Islamiah.

Majlis juga diisikan dengan penyampaian cenderahati kepada ahli-ahli panel disempurnakan oleh tetamu kehormat serta diakhiri dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Doa Terhindar Daripada Wabak COVID-19. ■



DUA panel Forum Khas Ramadhan 1444H/2023M iaitu Awang Haji Abdullah Amer bin Haji Abdul Hamid dan Dayang Zati Hanani binti Dato Seri Setia Haji Rajid.

BERTADARUS BERSAMA MUALLAF SEMARAKKAN BULAN RAMADHAN

Oleh : Suriati Haji Ali Hussin



DR. Hajah Rohanita binti Haji Yaakub semasa menyerahkan wakaf al-Qur'an dan buku-buku terbitan Pusat Da'wah Islamiah kepada Awang Haji Hazwan bin Abdullah, Yang Di-Pertua Persatuan Nurul Islam.

surah al-Fatihah yang dipimpin oleh Awang Haji Sapami bin Abdullah yang merupakan Ahli Persatuan Nurul Islam, diikuti dengan tadarus.

Acara diselenggarakan dengan penyerahan wakaf Al-Qur'an dan buku-buku terbitan Pusat Da'wah Islamiah untuk kegunaan persatuan berkenaan yang disempurnakan oleh ketua rombongan.

Majlis diakhiri dengan Sembahyang Sunat Tarawih dan Witir Berjemaah.

Antara objektif majlis ini diadakan adalah untuk menggalakkan para muallaf untuk sama-sama mengimarahkan masjid, surau, balai ibadat, pos dakwah dan juga rumah kegiatan agama di kawasan masing-masing.

Di samping itu, untuk mengeratkan hubungan silaturrahim bersama para muallaf dan aktiviti seumpama ini juga merupakan salah satu syiar bagi melancarkan gerakan-gerakan dakwah. ■

RIMBA, Khamis, 15 Ramadhan bersamaan 6 April - Rombongan

bertadarus dan Sembahyang Sunat Tarawih dan Witir Pusat Da'wah Islamiah bersama para muallaf diadakan khusus bagi Persatuan Nurul Islam dan Kelas Bimbingan Muallaf Daerah Brunei dan Muara yang diadakan di kediaman Awang Haji Hazwan bin Abdullah, Yang Di-

pertua Persatuan Nurul Islam, di Kampong Perpindahan Rimba.

Hadir selaku ketua rombongan ialah Dr. Hajah Rohanita binti Haji Yaakub, Pemangku Ketua Bahagian Pembangunan Muallaf, Pusat Da'wah Islamiah.

Atur cara dimulakan dengan bacaan



SUASANA majlis bertadarus dan Sembahyang Sunat Tarawih dan Witir Pusat Da'wah Islamiah bersama para muallaf.



Majlis Pengislaman APRIL 2023

فَمَنْ يُرِدْ اللَّهُ أَنْ يَهْدِيَهُ يَشْرَحْ صَدْرَهُ لِلْإِسْلَامِ...

Mafhumnya:

Maka sesiapa yang Allah kehendaki untuk mengurniakan hidayah kepadanya nescaya Dia melapangkan dadanya untuk menerima Islam...

(Surah al-An'aam ayat 125)







STATISTIK PENGISLAMAN

Keramaian Orang yang Memeluk Ugama Islam di Seluruh Negara bagi tahun 2023


Dewasa: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke atas.
Kanak-kanak: Berumur 14 Tahun 7 bulan ke bawah.

Bagi Bulan
APRIL
14
Orang

Jumlah Keseluruhan
JAN-APRIL 2023
123 Orang



Features



Sharifah Khadijah
Hussein Alkaff

WORK RELATIONSHIPS WITH NON-MUSLIMS OR NON-PRACTISING MUSLIMS

Working in an Islamic environment enables women to flourish in the religion. However, when there are more non-Muslim or non-Islamic colleagues at the workplace, Muslim women have to decide whether they will become a recluse and keep to themselves at work or if they will mingle with their non-Muslim or non-practising Muslim counterparts. In choosing to mingle with these people certain behaviours and conversations that are inappropriate may arise. In such instances, it is best for Muslim women to excuse themselves from the situation.

Fedwa, a successful computer programmer at a major University, said that when she first began working, she would attend luncheons with other employees, but she soon discovered that much of the time was spent on gossips and talk about forbidden activities (e.g. boyfriends and dating). She realised that listening to such talks on a regular basis made her an

accomplice and may even desensitize her so she decided to avoid the luncheons completely. As a result, Fedwa now has few friends at work but she thinks it is a small price to pay to maintain her religious obligations and practise Islamic etiquette at work.

ISLAMIC ETIQUETTE AT WORK

Any Muslim woman who chooses to work must know Islamic laws regarding men-women interaction and do her best to let others be aware of them and maintain them. For example if a male boss asks a Muslim woman to sit next to him at a social gathering should she do it? How should she respond to a male co-worker who hints that he is interested in her? Islamic law prohibits free mixing of the sexes. When men and women are together, the natural sexual attraction could lead them into temptation. Islamic etiquette provides guidance for situations in which mixing between men and women are unavoidable. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* says in surah an-Nuur:31, meanings:

"And say to the believing women that they lower their gaze and guard their modesty, and that they display not their beauty or their ornaments except only that which is apparent, and that they let fall their coverings over their bosoms; and that they display not their beauty or their ornaments except to their husbands, or their sons, or the sons of their women, or those whom their right hands possess, or male servants who are not inclined to women, or young children who are not aware of the secrets of women, and they strike not (the ground) with their feet so that what they hide of their ornaments towards Allah, O believers, that you may succeed."

There are in fact scientific evidences that prove that men respect their female colleagues more if they are modestly dressed. A sexism study conducted by the Lawrence University discovered that professional women who wear provocative attire are perceived by their co-workers as being less competent and less intelligent compared to those who dress decently at the office. Another study involving the use of brain scans, conducted by Princeton University, found that men do not even view scantily-dressed women as human beings! In the study, a group of men were shown images of half-naked and fully clothed women. The MRI brain scans done on them revealed that the men saw half-naked women as objects, and wished to act on them as one would "push," "handle," or "grab" an object!

Islam stipulates that if a man and a woman talk to one another they must be respectful of each other. An atmosphere of dignity with *Taqwa* (piety) must be maintained during the whole period of interaction. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* says in surah al-Maa'idah:2, meaning:

"...And help one another in goodness and piety, and help not one another in sin and transgression; and fear Allah, surely Allah in serve in punishment."

A hadith Imam al-Bukhari narrated that Abu Hurairah said: from Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wa sallam* has said:

"The adultery (zina) of the eyes is sight & the adultery of the tongue is the talk."

As females, we sometimes do not realise the effect of our voice on some men but perhaps the following true account will enlighten us.

Malam Teristimewa Lailatulqadar

Antara Kelebihan yang ada
pada lailatulqadar

1

Orang yang mengerjakan amal ibadat pada malam tersebut akan meraih ganjaran pahala yang sangat besar lagi istimewa iaitu sama nilai dengan ibadat yang dikerjakan selama 83 tahun dan empat bulan.

2

Pada malam tersebut, Jibril 'Alaihissalam bersama para malaikat yang lain akan turun ke bumi untuk memberi salam kepada orang-orang mu'min yang beribadat yang mana mereka itu akan diampunkan segala dosanya yang telah lalu.

3

Pada malam tersebut dipenuhi dengan keberkatan hingga terbit fajar.

أَسْمَاءُ الْأَبْنَاءِ
NAMA ANAK LAKI-LAKI

Aqmar Afkar
أَقْمَرُ أَفْكَرٍ
Yang Bercahaya,
Yang Bijak Berfikir

Hafiz Mustaqim
حَفِيزٌ مُسْتَقِيمٌ
Pemelihara,
Yang Lurus

Khalid al-Hariz
خَالِدُ الْحَارِزِ
Yang Kekal, Yang Berharga/
Yang Bernilai

NAMA-NAMA
ISLAMI
untuk anak damit



Hadits diriwayatkan oleh Imam Abu Daud daripada Abu Darda', Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda yang bermaksud:

"Sesungguhnya kamu akan dipanggil pada hari kiamat dengan nama-nama kamu dan nama-nama bapa-bapa kamu"

أَسْمَاءُ الْبَنَاتِ
NAMA ANAK BINI-BINI

'Alya Basyirah
عَلِيَاءُ بَشِيرَةٌ
Ketinggian/ Kemuliaan,
Penyampai Berita Gembira

Hilyah Bazilah
حَلِيَّةٌ بِاذَلَةٍ
Perhiasan,
Yang Pemurah

Khairatul 'Izzah
خَيْرَةُ الْإِزَّةِ
Kelebihan/Kebaikan,
Kemuliaan



PETIKAN TITAH

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN
WADDAULAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN
HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN
SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM

SEMPENA

SEMPENA MENYAMBUT AWAL BULAN
RAMADHAN BAGI TAHUN 1444H/2023M



'RAFAK SYUKUR DITEMUKAN RAMADHAN'

"Jutaan syukur kita rafakkan kepada Allah kerana ancaman coronavirus semakin berkurang dan sekatan juga dilonggarkan. Ini juga satu rahmat yang membolehkan kita dapat memeriahkan masjid dengan sembahyang fardhu, bertadarus al-Quran dan sembahyang Sunat Tarawih tanpa sekatan. Sayugia rahmat itu jangan diabaikan untuk dapat meraih lebih banyak pahala. Pahala adalah rezeki hebat untuk dijawab di akhirat nanti. Ramadhan adalah bulan istimewa yang menguji kesabaran untuk berpuasa selama sebulan di mana ganjaran beribadat dalam bulan Ramadhan melebihi ganjaran beribadat di bulan-bulan lain..."

|Program Keugamaan Belia|

MELAHIRKAN BELIA PROAKTIF, MEMBINA SIFAT KEPIMPINAN

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 19 Ramadhan bersamaan 10 April

- Sempena cuti persekolahan di bulan Ramadhan, Kumpulan Syababul Iman dan Takmir Masjid Sultan Sharif Ali Kampong Sengkurong dengan kerjasama beberapa belia masjid lainnya seperti Ashabul Akhyar, Ashabul Haliim, Belia Masjid Ash-Shaliheen, Syababurroja' dan Syababussalam telah menganjurkan Program Perkhemahan Belia 'Journey of a Muslim V (JOM 5)' yang bertemakan 'Best In You' selama tiga hari dua malam bermula pada 7 hingga 9 April 2023, di Masjid Sultan Sharif Ali, Kampong Sengkurong.

Seramai 77 peserta menyertai program tersebut terdiri daripada para pelajar berumur 17 hingga 23 tahun yang juga memegang jawatan kepimpinan di sekolah masing-masing seperti Majlis Pelajar-Pelajar (MPP), prefek dan sebagainya.

Objektif program adalah untuk membina sifat kepimpinan dan daya tahan para belia dan membekalkan mereka dengan ilmu berbentuk duniawi dan ukhrawi.

Selain itu, program ini memberi pendedahan kepada para belia dengan



PESERTA bergambar ramai di hari penutup Program Perkhemahan Belia 'Journey of a Muslim V (JOM 5)'.
7-9 APRIL 2023M
16-18 APRIL 2023M

suasana Islami dan mengimarahkan masjid.

Program bertujuan untuk melahirkan belia proaktif yang mengisi masa cuti persekolahan dan masa lapang dengan melakukan aktiviti-aktiviti yang bermanfaat.

Antara aktiviti-aktiviti yang diselitkan dalam program perkhemahan ini adalah seperti ceramah, bengkel kerohanian, latihan dalam kumpulan, aktiviti kesenian Islam, aktiviti kemasyarakatan, aktiviti kemahiran diri dan sebagainya.

Program ini juga turut dijayakan

dengan sumbangan juadah sahur dan sungkai dari beberapa restoran di negara ini seperti Pondok Sari Wangi, Raziqin, CA Mohamed, Soto Haji Tuah, HTC, Nasta'een dan sumbangan dari orang ramai.

Melalui program tersebut, penganjur berharap ia akan menjadi titik permulaan bagi peserta-peserta untuk berhijrah ke arah pembentukan diri menjadi belia Islam dan siap siaga membuka minda untuk berdepan dengan pelbagai cabaran di era globalisasi ini. ■

MAJLIS KHATAM AL-QUR'AN KHEU

Oleh : Rokiah Haji Mohamad Serudin



MENTERI Hal Ehwal Ugama semasa menghadiri Majlis Khatam Al-Qur'an Kementerian Hal Ehwal Ugama.

BEBULOH, Rabu, 21 Ramadhan bersamaan 12 April - Majlis Tadarus Kementerian Hal Ehwal Ugama yang diadakan di beberapa buah masjid seluruh negara bersempena bulan Ramadhan bertujuan untuk meningkatkan lagi hubungan silaturrahim, kesepakatan dan ukhuwah yang sedia erat dalam kalangan warga Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan penduduk-penduduk kampung, masyarakat serta umat Islam di negara ini, berakhir dengan Majlis Khatam Al-Qur'an yang berlangsung di Rumah Kegiatan Ugama Kampong Bebuloh.

Hadir pada majlis tersebut ialah Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, Menteri Hal Ehwal Ugama.

Memulakan acara ialah bacaan surah al-Fatihah yang dipimpin oleh Yang

Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, diikuti dengan Tadabbur Al-Qur'an disampaikan oleh Awang Muhammad Nasyith bin Superi, Pegawai Ugama, Unit Da'wah Bahagian Penyebaran Da'wah, Pusat Da'wah Islamiah.

Acara kemudiannya diteruskan dengan khatam al-Qur'an, bacaan Tahlil, Doa Khatam, Doa Arwah dan diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Hadir sama ialah Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama; Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama; dan Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama. ■

